

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

RAG 161 Teknologi Binaan I

Masa : (3 Jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab DUA soalan sahaja.

1. (i) Kayu-kayan Malaysia boleh dibahagikan kepada 4 bahagian. Sebutkan keempat-empat bahagian tersebut.  
( 4 markah )
- (ii) Apakah ciri-ciri yang terdapat pada kayu-kayu ini?
  - (a) Chengal
  - (b) Resak
  - (c) Melawis
  - (d) Bintangor
  - (e) Kapur  
( 10 markah )
- (iii) Dengan bantuan lakaran, jelaskan kerosakan pada kayu seperti di bawah ini:
  - (a) Rekah bintang
  - (b) Rekah hati
  - (c) Gentian terpiuh
  - (d) 'Upset'
  - (e) Buku kayu  
( 15 markah )
- (iv) Kereputan yang berlaku pada kayu disebabkan oleh dua faktor utama. Jelaskan faktor-faktor tersebut.  
( 4 markah )

... 2/-

(v) Mengapa kayu perlu dirawat dan namakan dua jenis kimia yang digunakan untuk merawat kayu.

( 5 markah )

(vi) Dengan bantuan lakaran jelaskan dua kaedah pengeeringan kayu.

( 6 markah )

(vii) Lakarkan 3 teknik penyambungan tiang kayu ke atas konkrit tuang dahulu yang selalu diamalkan di Malaysia.

( 6 markah )

2. (i) Apakah fungsi tingkap dalam bangunan.

Berapakah saiz bukaan untuk ruang bilik berukuran 4 meter x 3.5 meter.

( 6 markah )

(ii) Apakah yang dimaksudkan dengan Lapisan Kalis Lembap? Apakah tujuan Lapisan ini dalam bangunan dan lakarkan letakkannya.

( 10 markah )

(iii) Apakah kriteria yang sesuai dalam pemilihan bahan kemasan untuk lantai.

( 10 markah )


(iv) Lakarkan 3 teknik penyambungan gelegar kayu ke dinding batu-bata galas beban.

( 12 markah )

(v) Dengan bantuan lakaran jelaskan perbezaan antara dinding rongga dan dinding  $\frac{1}{2}$  batu-bata (galas tanpa beban).

( 12 markah )

3. Lakarkan perincian bagi bahagian yang ditanda seperti di bawah ini.



Spesifikasi:

- o Rangka konkrit tetulang
- o Bumbung asbestos
- o Lantai konkrit pejal
- o Kasau, gulung-gulung, jalur tampang bawah dan tumpu kasau dari kayu gred A & B
- o Dinding setengah batu-bata dengan lepaan simen
- o Faktor-faktor lain adalah berdasar kepada kebijaksanaan anda seperti mana yang telah dijelaskan dalam kuliah.

( 5 markah )

4. (i) Senaraikan 5 jenis simen yang digunakan dalam teknologi binaan.

( 5 markah )

(ii) Apakah bahan yang diperlukan untuk menghasilkan konkrit dan apakah faktor-faktor yang harus diambil-kira untuk menjamin kualiti bahan-bahan ini.

( 20 markah )

(iii) Apakah yang dimaksudkan dengan nisbah air-simen dan berapakah kuantiti air yang diperlukan untuk mencampur satu beg simen untuk nisbah 0.4?

(satu beg simen = 112 lb/50 kg.)

(satu gelas air = 10 lb/4.5 kg.) ( 10 markah )

(iv) Mengapa tetulang keluli diperlukan untuk struktur konkrit?

( 5 markah )

(v) Dimanakah nisbah-bancuhan konkrit ini digunakan.

(a) 1:2:4

(b) 1:1½:3

(c) 1:3:5

( 3 markah )

(vi) Mengapa pematian (anchorage) diperlukan untuk keluli dalam kerja konkrit tetulang.

Lakarkan 2 teknik pematian yang biasa diamalkan.

( 7 markah )